



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

Garis Panduan Pelantikan Ahli Tambahan Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar Dari Luar Negara

Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Syarat Am

1. Antara perkara yang perlu diambil kira semasa penamaan ahli tambahan Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar dari luar negara ialah:
 - a. Calon ahli tambahan tersebut hendaklah terdiri daripada penyelidik/akademik yang memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan di dalam peraturan siswazah UPM yang sedia ada. Keutamaan akan diberi kepada institusi yang mempunyai kerjasama (MoU) dengan UPM dan institusi penyelidikan dan makmal terkemuka.
 - b. Bagi calon ahli tambahan yang tiada MoU dengan UPM, syarat-syarat tambahan berikut diperlukan:
 - Berpengalaman menyelia pelajar PhD sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan menggraduatkan sekurang-kurangnya dua (2) orang pelajar PhD.
 - Merupakan pakar di dalam aspek penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar.
 - Tiada kepakaran dalaman di UPM atau dalam kalangan IPTA atau institusi tempatan yang ada MOU dengan UPM.
2. Ahli tambahan Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar yang dilantik hendaklah menjalankan tanggungjawab yang berikut:
 - a. Mempastikan pelajar menjalankan penyelidikan seperti yang dirancang.
 - b. Memantau kehadiran pelajar di tempat/makmal penyelidikan.
 - c. Melaporkan perkembangan penyelidikan pelajar sekurang-kurangnya sebulan sekali kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar di UPM.
3. Sepanjang keberadaan pelajar di luar negara, Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar di UPM bertanggungjawab dan wajib:
 - a. sentiasa berhubung dengan ahli tambahan yang telah dilantik dari semasa ke semasa untuk memantau perkembangan aktiviti penyelidikan pelajar.
 - b. membuat lawatan verifikasi penyelidikan dan premis audit sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh pelajar berada di luar negara dengan tanggungan sendiri (penyelia atau pelajar).
 - c. menghantar laporan penyelidikan yang dijalankan di luar dibawah seliaan ahli tambahan kepada Timbalan Dekan Fakulti/Timbalan Pengarah Institut dan Sekolah Pengajian Siswazah .
4. Tempoh pelajar berada di negara luar tidak melebihi 6 bulan. Bagi tempoh yang lebih lama pelajar perlu membuat permohonan semula dengan justifikasi yang kukuh.

Kaedah Perlantikan

5. Kaedah pelantikan yang berikut akan digunakan untuk memastikan garis panduan pelantikan ini dipatuhi oleh pelajar dan pihak Fakulti/Institut:
 - a. Borang khas yang disediakan oleh SPS diisikan bersama dengan borang lantikan Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar atau pelantikan semula Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar.
 - b. Pelajar perlu mengemukakan rancangan penyelidikan yang menyatakan tempoh, tempat, skop dan aktiviti penyelidikan yang akan dijalankan.
 - c. Menyertakan surat persetujuan daripada calon ahli tambahan.
 - d. Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan Pelajar dan Timbalan Dekan Fakulti/Timbalan Pengarah Institut perlu meneliti dan menyokong pelantikan ahli tambahan tersebut.
 - e. Melalui proses saringan oleh Jawatankuasa Kecil Pelantikan Penyelia (JKPPPTP)
 - f. Pelantikan hendaklah di luluskan oleh JKPSU.